

10 MAY 2004

DR MAHATHIR-PROTON

PROTON PERLUKAN RAKAN KONGSI ASING DENGAN KAITAN STRATEGIK

PUTRAJAYA, 10 Mei (Bernama) -- Proton kini mengadakan perbincangan bagi mendapatkan rakan kongsi asing tetapi tidak tergesa-gesa dalam hal berkenaan memandangkan pembuat kereta nasional itu perlu memastikan rakan kongsinya mempunyai kaitan yang strategik, kata penasihatnya Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tidak perlu tergesa-gesa (untuk mencari rakan kongsi asing), kita perlu menilai dengan teliti. Jika anda mendapat rakan yang salah, anda akan menghadapi masalah besar," katanya kepada pemberita selepas pelancaran

"GUTS", majalah pengguna Proton di sini hari ini.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Proton Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff.

Semasa ditanya sejauh mana perbincangan antara Proton dan bakal rakan kongsinya itu, Dr Mahathir berkata, "Hampir selesai. Mereka tidak mungkin masih jauh jika tidak mereka tidak boleh berbincang."

Beliau menegaskan bahawa Proton merupakan sebuah syarikat yang kukuh dan "ia bukan syarikat yang murah serta hampir mati."

"Kita perlu mempunyai masa untuk menimbangkan perkara ini dengan sebaiknya, tidak perlu terburu-buru. Tak perlu tergesa-gesa kerana Proton masih sihat. Proton masih berdaya maju jadi kita kena pilih-pilihlah," katanya.

Ketika ditanya sama ada bakal rakan kongsi itu perlu kukuh dari segi kewangan, beliau berkata: "Ianya bukan soal wang tetapi ia perlu mempunyai beberapa kaitan strategik."

Dr Mahathir berkata Proton kini mengadakan perbincangan dengan beberapa syarikat utama.

"Masih terdapat cadangan lain tetapi kami memerlukan masa untuk menimbangkan segalanya dengan teliti, tidak perlu terburu-buru," kata beliau.

Ditanya sama ada beliau menjangkakan janji niaga akan muktamad menjelang akhir tahun ini, Dr Mahathir berkata: "Ya, kami harap begitu."

Mengenai sama ada Proton akan meminta pemegangan minoriti dalam perkongsian itu, Dr Mahathir berkata Proton perlu tidak menyerahkan kawalan kepada perkongsian strategik asing itu atau sebaliknya rakan kongsi itu menentukan terma dan mungkin meminta Proton mengeluarkan bukan kereta nasional.

"Kita perlu mempunyai keyakinan," katanya.

Semasa menjawab pertanyaan mengenai kereta Korea Selatan yang diterima sebagai kereta global manakala kereta Proton dianggap sebagai kereta Malaysia, Dr Mahathir berkata Korea Selatan mengambil masa 40 tahun untuk berada pada kedudukan mereka sekarang sedangkan Proton hanya mempunyai sejarah 19 tahun.

Beliau juga berkata sekiranya lebih banyak rakyat Malaysia membeli kereta Proton dan tidak mempercayai khabar angin bahawa syarikat kereta nasional itu menghadapi masalah, lebih banyak warga asing mempunyai pandangan yang lebih baik terhadap Proton. -- BERNAMA

WNZ OS SHY NHD